



AMIRUDIN (kanan) melancarkan logo 30 tahun FBMK dan simbolik pecah tanah pembinaan Rumah Selangor.

Rumah Selangor menjadi lambang warisan bangsa

Serdang: Kerajaan Selangor menerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) akan bekerjasama dengan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBMK) Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pembinaan Rumah Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerjasama itu adalah usaha dan komitmen untuk merealisasikan hasrat Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, agar pembinaan rumah itu menjadi salah satu warisan yang signifikan.

“Inisiatif ini bukan saja memperkukuhkan jati diri dan warisan negeri tetapi juga memperlihatkan semangat kerjasama dan keprihatinan warga FBMK dalam memelihara budaya serta sejarah Selangor.

“Rumah Selangor bukan sekadar sebuah struktur

fizikal tetapi simbol kebanggaan, identiti dan warisan yang akan terus dikenang dan dihargai oleh generasi akan datang,” katanya pada Sambutan Jubli Mutiara Tiga Dekad FBMK UPM, di sini, semalam.

Dalam majlis itu, beliau turut merasmikan pecah tanah pelancaran Rumah Selangor serta melancarkan buku berjudul ‘Capability Building and Knowledge Transfer’ ditulis Allahyarham Prof Emeritus Datuk Dr Rahim Md Sail yang juga mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM.

Amirudin berkata, kerjasama antara Padat dengan FBMK UPM adalah untuk menjaga serta memastikan kebudayaan masyarakat pelbagai etnik di negeri ini khususnya Melayu supaya dapat dipertahankan.